

PENDAKWA RAYA v TEOH THIAM LIM

CaseAnalysis

| [2020] MLJU 505

Pendakwa Raya lwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM)

MOHD YAZID MUSTAFA H

RAYUAN JENAYAH NO BA-415-40-05/2019

29 March 2020

*Ravi Neko (**Parvinder Kaur** bersamanya) (Hakem Arabi & Assoc) bagi pihak perayu.*

Mahadhir Mohd Khairuddin (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Mohd Yazid Mustafa H:

ALASAN PENGHAKIMANPENDAHULUAN

[1]Orang yang kena tuduh (OKT) pada mulanya dituduh atas kesalahan memandu kereta WJJ 2930 di KM 14 Jalan Kapar pada 10 Disember 2017 jam 4.30 pagi dengan secara melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara merbahaya pada orang awam, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 42(1) (akta pengakutan jalan 1987).

[2]Pada tarikh ditetapkan penghujahan, pihak Timbalan Pendakwaan Raya telah mengemukakan permohonan untuk meminda pertuduhan pindaan, di mana OKT dituduh atas kesalahan memandu kereta WJJ 2930 di KM 14 Jalan Kapar pada 10 Disember 2017 jam 4.30 pagi secara melulu, dan telah menyebabkan kematian kepada EVELYN ANG GEEK SUAN (NO K/P 730413-01-5564), satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 41(1) Akta Pengakutan Jalan 1987. Permohonan tersebut telah dibantah oleh Peguam OKT (rujuk muka surat 59 rekod rayuan). Tuan majistret telah membenarkan permohonan TPR untuk mengemukakan pertuduhan pindaan.

[3]Di akhir kes pihak pendakwaan, Tuan majistret berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

suatu kes Prima Facie terhadap OKT dibawah kesalahan seksyen 41(1) APJ 1987 dan OKT dipanggil untuk membela diri.

[4]OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Di akhir kes pembelaan, Tuan majistret mendapati pembelaan OKT gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. OKT di dapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan atas pertuduhan di bawah seksyen 41(1) APJ 1987. OKT kemudiannya telah dijatuhkan hukuman seperti berikut;

- a) 4 tahun penjara dari tarikh disabitkan kesalahan iaitu, 27 Mei 2019;
- b) Denda RM7,000 kalau gagal bayar 7 bulan penjara;
- c) Lesen memandu OKT diendors; dan
- d) OKT tidak layak untuk memegang lesen pemandu untuk tempoh masa tidak kurang 3 tahun mulai tarikh disabitkan kesalahan iaitu 27 Mei 2019.

[5]Pihak OKT telah menfailkan notis rayuan ke mahkamah Tinggi atas keputusan Tuan majistret tersebut.

[6]Setelah mendengar penghujahan pihak-pihak dan meneliti rekod rayuan, rayuan OKT dibenarkan. OKT telah disabitkan atas kesalahan memandu secara cuai satu kesalahan di bawah seksyen 43(1) APJ 1987. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM7,000 ringgit jika gagal bayar 7 bulan penjara. Lesen memandu OKT diendors; dan OKT tidak layak untuk memegang lesen pemandu untuk tempoh masa tidak kurang 3 tahun mulai tarikh disabitkan kesalahan iaitu 27 Mei 2019.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[7]Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 8 orang saksi, di mana tiga orang daripada saksi tersebut adalah mereka yang turut sama berlari bersama si mati dalam acara Marathon Klang City International pada pagi 10.12.2017. Encik Fong Chook Kit (SP4) menyatakan semasa beliau berlari bersama peserta termasuk si mati, bila sampai di KM 14 Jalan Kapar, tiba-tiba ada kereta hilang kawalan dan melanggar peserta. Beliau nampak dua orang peserta terbaring di atas jalan raya manakala seorang lagi peserta terjatuh di atas kereta dan di bawa oleh kereta. SP 4 menyatakan waktu kemalangan adalah lebih kurang jam 4 hingga 4.30 pagi, di mana lampu jalan pada waktu itu adalah tidak terang sangat dan ada jarak penglihatan. Di tempat kejadian tiada perkerja rela dan semasa SP 4 berlari, ada kon di letakkan dari mula sampai KM 14. SP4 seterusnya menyatakan bahawa beliau dengar bunyi pelanggaran tersebut seperti "boom!" dan ada bunyi kaca pecah kerana SP4 berlari sebelah menyebelah dengan dua peserta tersebut.

[8]Dalam pemeriksaan balas SP 4 bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa tiada polis trafik yang menjaga lalu lintas di KM 14 dan tiada marshall jalan raya. Beliau tidak ingat ada atau tidak satu junction dan trafik light seratus meter sebelum sampai di KM 14. SP 4 bersetuju dengan cadangan Peguam pada masa kejadian, beliau dan peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam marathon tersebut berlari dari bawah ke atas, manakala

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

kereta WJJ 2930 juga datang dari arah yang sama. Beliau seterusnya bersetuju dengan cadangan Peguam semasa beliau berlari, beliau tiba-tiba dengar bunyi “boom!” dan sebelum itu beliau tidak tahu ada nya kereta WJJ 2930 yang datang dari belakang. SP 4 juga bersetuju vest yang beliau pakai pada malam itu bukan nya vest plastik yang bercahaya.

[9]Dalam pemeriksaan semula SP 4 menyatakan sebelum masuk ke Jalan Kapar, lampu jalan memang menyala semua, bila belok ke Jalan Kapar, lampu jalan agak jauh antara satu sama lain, jadi tidak terang. KM 14 gelap berbanding dengan jalan yang mula tetapi di Jalan Kapar, tepi jalan adalah luas berbanding dengan jalan biasa.

[10]En. Amiruddin Bin Amid (SP5) juga merupakan salah seorang peserta larian Klang City International Marathon sejauh 42kilometer, yang bermula dari Kompleks Sukan Pandaman pada jam 2 pagi. Apabila sampai di KM 14, SP5 berhenti untuk minum air. Semasa beliau menyambung larian, beliau telah berjumpa dengan peserta Ahmad Hadapi dan Everlyn serta sorang lagi peserta yang beliau tidak tahu nama nya. Jarak SP5 dengan lain-lain peserta adalah amat dekat, di mana SP5 berada di belakang mereka. Dalam lebih kurang setengah meter, tiba-tiba penglihatan SP5 menjadi gelap. Bila beliau membuka mata nya, beliau mendapati dirinya berada di dalam ambulan. SP5 mendapat maklumat dari polis bahawa beliau telah dilanggar dari belakang oleh kereta WJJ 2930.

[11]En. Ahmad Hadafi Bin Jus (SP6) menyatakan pada pagi 10.12.2017 beliau turut sama menyertai acara Klang City International Marathon sebagai pengirim perlari atau pacer. Beliau telah ditugaskan untuk membawa belon. Bila sampai di KM 14, tiba-tiba ada sebuah kereta telah melanggar beliau dari arah belakang. Selepas pelanggaran, SP6 tercampak di atas bumbung kereta. Beliau telah dibawa lebih kurang satu kilometer dari tempat kejadian. Semasa beliau berada di atas bumbung kereta itu, kelajuan kereta lebih kurang 50 kilometer sejam dan beliau mendapati cara pemanduan kereta itu adalah ke kiri dan ke kanan. SP6 seterusnya menyatakan bahawa pemandu cuba memasuki ke emergency lane iaitu laluan perlari lain dan beliau terpaksa meminta perlari lain pergi ke tepi. Kereta itu kemudiannya terbabas masuk ke dalam parit yang kecil dan tidak boleh bergerak. Selepas itu SP5 telah tercampak di atas bahu jalan. Selepas terbabas, SP6 tidak pasti apa berlaku kepada kereta itu kerana jalan adalah gelap. Pada masa kejadian beliau memakai vest yang terang yang diberi oleh penganjur berwarna kuning. SP6 telah menandakan Y, Y1, Y2 dan Y3 pada gambar eksibit P2(A) tempat beliau dan peserta-peserta berada sebelum dilanggar oleh kereta tersebut. SP6 telah dirujuk pada gambar P2 menyatakan beliau tidak pasti kerana keadaan gelap.

[12]Semasa pemeriksaan balas SP6 bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa di KM 14 tiada road Marshall masa yang mengawal pelari dan juga tiada banner. Begitu juga di simpang sebelum KM14 juga tiada banner. SP6 seterusnya bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa di tempat kejadian, di KM14 tiada polis trafik dan tiada Rela dan berasaskan gambar P2 (b hingga f) tiada kon keselamatan di KM14. SP6 seterusnya bersetuju vest yang beliau pakai adalah non-reflective vest dan sebagai pacer beliau tidak pakai lampu suluh. Apabila SP6 dirujuk kepada gambar ID 2A, SP6 tidak pasti sama ada peserta sebenarnya berlari di bahagian tengah jalan atau emergency lane (sebelum garis putus-putus sehingga ke Y1)

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

[13]En. Teh Wei Ann (SP7) adalah pekerja di Earth Runners Internationals Group Sdn. Bhd, syarikat yang menganjur acara larian marathon tersebut. Selepas dimaklumkan dengan kemalangan tersebut, beliau telah pergi ke tempat kejadian dan nampak Amerudin dan Evelyn dalam keadaan tidak sedarkan diri dan ada nampak darah di hadapan bangunan HAI-O. Selepas acara larian SP7 ada pergi ke Chang Hong Bengkel untuk tengok cctv dan beliau nampak sebuah kereta melanggar belakang Evelyn Ang, Amerudin serta Hadapi tanpa berhenti dan kereta dipandu laju lebih kurang 60 kilometer sejam.

[14]Ispektor Zulkanain Bin Johari (SP8) nyatakan pada pagi tersebut, lebih kurang jam 5.11 pagi, beliau telah dimaklumkan tentang kemalangan tersebut dan beliau telah sampai ke tempat kejadian pada jam 5.30 pagi. Permerhatian awal beliau ada kesan-kesan kemalangan yang terlibat tetapi kenderaan yang terlibat tiada di lokasi. Ujian darah OKT menunjukkan adanya alcohol dalam darah OKT berjumlah 36mg/100 ml darah manakala dadah tidak di kesan. Beliau telah melihat kereta yang terlibat WJJ 2930 dan mendapati kerosakan di bahagian hadapan kereta. Beliau ada menerima cctv daripada ispektor Azim (10 22), di mana durasi adalah selama 24 saat.

[15]Dalam pemeriksaan balas SP8 bersetuju dengan cadangan Peguam berasaskan cd rakaman bahawa tiada Marshall trafik, anggota rela atau anggota trafik yang mengeringi pelari di tempat kejadian. Selain daripada cahaya dari kedai-kedai berdekatan, tempat kejadian adalah gelap. Malah SP8 bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa pelari sedang berlari di tengah jalan. Pada masa yang sama SP8 juga bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa ada kereta datang dari belakang pelari, di mana kedudukan pelari-pelari dan kereta tersebut adalah satu kedudukan memberhayakan keselamatan pelari. Begitu juga SP8 bersetuju dengan cadangan Peguam bahawa penganjur tidak seharusnya menggunakan jalan Kapar sebagai tempat untuk larian Marathon pada pagi itu. Malah SP8 seterusnya bersetuju dengan cadangan Peguam dari minit 15 ke minit 17, rakaman cd menunjukkan perlari-perlari berlari di tengah jalan.

[16]Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, Tuan majistret berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes Prima Facie terhadap OKT bagi pertuduhan di bawah seksyen 41(1) APJ 1987 dan OKT telah dipanggil untuk membela diri.

[17]OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. OKT dalam keterangannya menyatakan beliau sampai di tempat kejadian pada jam lebih kurang 4.20 pagi. Pada masa itu jalan Kapar di hadapan Wisma HAI-O adalah gelap. Beliau mengambil masa selama lebih kurang 5 hingga 6 saat dari junction untuk sampai ke Wisma HAI-O. Apabila sampai di Wisma HAI-O, tiba-tiba OKT ternampak ada orang yang berada di tengah jalan. Beliau tidak tahu apakah orang itu sedang buat. Pada masa beliau berada di lampu isyarat di jalan Kapar, 100 meter dari tempat kejadian, beliau tidak nampak ada orang di hadapan Wisma HAI-O. Apabila OKT nampak ada orang di tengah jalan, beliau tidak ada peluang untuk menekan brake dan telah melanggar orang tersebut. Pada masa itu beliau nampak orang tersebut berada di tengah jalan. Tiada polis trafik dan tiada orang yang kawal jalan raya pada masa itu. Beliau meneruskan memandu kereta nya dan tidak berhenti kereta nya kerana takut kerana

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

ada orang di atas bumbung keretanya. Tidak lama selepas itu, kemudian beliau telah melanggar dan masuk ke dalam longkang. Selepas keluar daripada kereta, beliau telah menyerahkan dirinya kepada pegawai polis.

[18] Dalam pemeriksaan balas OKT bersetuju jalan di tempat kejadian adalah lurus dan tidak sibuk. Beliau tidak bersetuju jalan tempat kejadian cukup terang. Beliau ada memasang lampu kenderaan tetapi beliau tidak nampak dengan jelas. Beliau tidak bersetuju bahawa beliau masuk ke bahu jalan dan bukannya memandu di tengah jalan.

[19] Di akhir kes pembelaan Tuan majistret memutuskan bahawa pembelaan OKT tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah dan OKT di dapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan atas pertuduhan di bawah seksyen 41(1) APJ 1987.

ANALISA DAN DAPATAN

[20] Dalam petisyen rayuan, OKT telah membangkitkan isu-isu berikut yang menunjukkan bahawa Tuan majistret telah kilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mensabitkan tertuduh dengan kesalahan di bawah seksyen 41(1) APJ 1987, iaitu antara lain;

- i) Tuan majistret telah kilaf dari segi undang-undang apabila membenarkan pihak pendakwaan untuk meminda pertuduhan.
- ii) Tuan majistret telah tersalah arah apabila menggunakan rumusan berdasarkan ujian undang-undang salah bahawa perayu telah datangkan kecedaraan kepada pengguna jalan raya kerana telah memandu ke dalam lorong kecemasan (emergency lane) walaupun Tuan majistret sedia maklum bahawa penganjuran Marathon telah gagal memastikan keselamatan pelumba-pelumba dan juga bahawa jalan Kapar tidak sesuai untuk larian Marathon.
- iii) Tuan majistret telah tersalah arah apabila membuat keputusan bahawa perayu harus mengetahui bahawa orang lain akan menggunakan lorong kecemasan untuk larian Marathon dan kegagalan perayu berbuat demikian telah mendatangkan risiko kepada mereka tanpa mengambil kira bahawa ianya bukan perkara yang biasa untuk lorong kecemasan di jalan Kapar digunakan untuk larian Marathon.
- iv) Tuan majistret telah kilaf dari segi undang-undang kerana gagal menghalusi pemakaian prinsip undang-undang mantap yang dinyatakan dalam nas undang-undang duluan sebelum disabitkan OKT.
- v) Tuan majistret telah kilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes Prima Facie.

[21] Berasaskan isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen rayuan, saya mendapati isu utama dalam kes ini sama ada Tuan majistret telah kilaf dari segi undang-undang apabila membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes Prima Facie ke atas tertuduh di bawah seksyen 41(1) APJ 1987.

[22] Sebelum memutuskan isu utama yang dinyatakan di perenggang 21, saya mendapati isu pertama yang dibangkitkan oleh Peguam OKT di perenggang 20 adalah tidak bermerit kerana kedudukan undang-undang adalah

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

mantap bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk meminda pertuduhan atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya. (rujuk [seksyen 158\(1\) kanun Acara Jenayah](#) dan kes *Heng You Nang* [1949] MLJ 285).

[23]Berasaskan pertuduhan pindaan yang dikemukakan oleh pihak Timbalan Pendakwaan Raya, saya mendapati dalam pertuduhan asal dicatitkan,"telah memandu kenderaan tersebut secara melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara merbahaya kepada orang awam" dipinda kepada "telah memandu dengan secara melulu dan telah menyebabkan kematian kepada EVELYN ANG GEK SUAN (NO K/P 730413-01-5564)". Saya bersetuju dengan pendapat majistret bahawa keputusan beliau membenarkan pindaan tersebut tidak menyebabkan ketidakadilan kepada OKT dan tidak juga menafikan pembelaan yang dibangkitkan oleh pihak OKT.

[24]Mengikut pertuduhan pindaan OKT telah dituduh memandu secara melulu. Dalam kes *RAMIAH V PUBLIC PROSECUTOR* [1972] 2 MLJ 258, telah memberi penjelasan maksud memandu secara merbahaya seperti berikut.

"In a case under section 34A two things must be established: (a) there must be a situation created by the accused which, viewed objectively, is dangerous; in this case turning right into the side road without stopping to give way to through traffic was dangerous driving; (b) the prosecution must prove that when creating such a situation the appellant was at fault; in this case the accused was at fault in creating the dangerous situation". Bold ditekan kan

[25]Dalam kes *TAN THANG SANG v PUBLIC PROSECUTOR AND CHOONG SZE FOONG V PUBLIC PROSECUTOR* [1975] 1 MLJ 204, di mana Hakim dalam kes ini telah merujuk kepada kes *RAMIAH V PUBLIC PROSECUTOR* [1972] 2 MLJ 258, di mana kedua-dua Hakim telah menerima pakai prinsip yang digariskan oleh Megaw LJ dalam kes *Regina v Gosney* [1971] yang memutuskan;

"We do not accept that the offence of dangerous driving is 'an absolute offence'. We do not accept that a driver who has been completely blameless can be held guilty. We do not accept that 'it matters not why the dangerous situation was caused' We would state briefly what in our judgment the law was and is on the question of fault in the offence of driving in a dangerous manner. It is not an absolute offence. In order to justify a conviction there must be, not only a situation which, viewed objectively, was dangerous, but there must also have been some fault on the part of the driver causing the situation". Bold ditekan kan

[26]Dalam kes *PUBLIC PROSECUTOR v ZULKIFLI BIN OMAR* [1998] 6 MLJ 65, Vincent Ng Hakim Mahkamah Tinggi juga telah merujuk kepada kes **TAN THANG SANG**, dan memutuskan;

- i) *Untuk didapati bersalah atas kesalahan memandu dengan melulu, pemandu (defendan) pasti telah mewujudkan risiko kecederaan yang nyata dan serius kepada orang tersebut atau kerosakan kepada harta dan semestinya sama ada tidak memikirkan kemungkinan risiko yang ketara itu, atau telah nampak risiko namun begitu berkeputusan untuk terus berhadapan dengannya. Bukanlah dalam setiap kes di mana defendan adalah pada hakikatnya memandu dengan cara yang membahayakan bahawa ia seharusnya diputuskan sebagai memandu dengan cara yang melulu, walaupun dalam kebanyakan kes kedua-duanya akan berbetulan (lihat ms 71 G-1); R v Guilfoyle [1973] 2 ALL ER 844 diikut."*

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

- ii) *Dalam kesalahan di bawah s 41(1) Akta tersebut, kelajuan yang melampau bukannya pemutus tunggal memandu dengan cara yang melulu tetapi haruslah juga terdapat keputusan mengenai cara dan aspek-aspek lain berhubung dengan cara defendan memandu yang mana membentuk sifat melulu, dengan menimbang keadaan semasa pada waktu yang material akan kemalangan tersebut, termasuk sifat, keadaan dan saiz jalan, dan bilangan kenderaan yang telah atau dijangkakan berada di jalan tersebut. Risiko yang diwujudkan oleh cara dalam mana kenderaan tersebut dipandu seharusnya ketara dan serius, dan mahkamah haruslah berpuas hati bahawa unsur-unsur penting atau teras sifat melulu telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah (lihat ms 720-E); R v Lawrence [1981] 1 ALLER 974;; [1982] AC 510 dan R v Reid [1992] 3 ALLER 673 diikuti.” (juga rujuk kes GUNASEGARAN A/L SINGARAVELU V PUBLIC PROSECUTOR [2009] 7 MLJ 761). Dan kes ZULFILI yang menerima pakai prinsip-prinsip dalam kes tersebut.*

[27] Dalam kes *NG BENG KOK v PUBLIC PROSECUTOR* [2007] MLJU 321. Mahkamah Rayuan, menerusi Zabariah Mohd Yusof HMR, telah menjelaskan makna memandu secara melulu seperti berikut;

“Driving recklessly”

[18] *Black’s Law Dictionary, Deluxe Ninth Edition* defined “reckless” in the adjectival sense as:

“Characterized by the creation of a substantial and unjustifiable risk of harm to others and by a conscious (and sometimes deliberate) disregard for or indifference to that risk;”

“Reckless driving” is defined as:

“The criminal offence of operating a motor vehicle in a manner that shows conscious indifference to the safety of others.”

“From the abovementioned, the word “reckless” connotes the deliberate taking of and unjustified risk. It implies an element of foresight. Thus, on a charge of reckless driving, proof of some actual foresight by the accused of the likelihood of certain consequences is necessary. The test is, therefore, subjective and consequently mens rea is necessary of the offence.”
 (tekanan diberi oleh kami)

[28] Berasaskan kes-kes di atas ianya menjadi tugas pihak pendakwaan untuk membuktikan bahawa OKT semasa memandu kereta WJJ 2930 bila sampai di KM14 telah memandu dengan melulu dengan mewujudkan risiko kecederaan yang nyata dan serius peserta-peserta larian Marathon pada masa itu. Risiko yang diwujudkan oleh cara dalam mana kereta tersebut dipandu seharusnya ketara dan serius/

[29] Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan fakta menunjukkan 100 meter sebelum sampai ke tempat kejadian terdapat simpang dan lampu isyarat. Daripada simpang tersebut ke tempat kejadian ianya adalah

Pendakwa Raya Iwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

jalan raya yang lurus di mana cahaya di tempat kejadian pada masa itu adalah gelap dan hanya diterangi oleh cahaya lampu daripada kedai-kedai berdekatan.

[30]Keterangan juga menunjukkan di tempat kejadian tiada banner yang nyatakan adanya Klang City International Marathon, tiada kon keselamatan, tiada masa trafik, tiada rela dan tiada anggota trafik yang mengiringi pelari-pelari. Peserta-peserta larian hanya memakai non-relective vest. SP6 sebagai pengirim pelari hanya memakai blinker di lengan tangan dan tidak memakai lampu suluh.

[31]Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang berada di tempat kejadian, semasa perlari-perlari sampai di KM14, tiba-tiba datang sebuah kereta datang dari belakang dan telah melanggar mereka. Ekoran pelanggaran tersebut SP6 telah tercampak di atas bumbung kereta tersebut manakala tiga peserta yang lain jatuh di tempat kejadian. Keterangan SP4 yang menyatakan dalam pemeriksaan utama tiba-tiba ada kereta hilang kawalan dan melanggar peserta adalah meragukan dan sepatutnya ditolak oleh majistret kerana SP6 menyatakan dengan tiba-tiba mereka di langgar dari belakang dan tidak mengetahui adanya kereta datang dari belakang.

[32]Pada masa yang sama SP8 dalam pemeriksaan balas bersetuju tempat kejadian adalah gelap dan peserta larian sedang berlari di tengah jalan. SP8 seterusnya bersetuju bila ada kereta datang daripada belakang peserta larian dan kereta tersebut adalah satu kedudukan yang merbahaya perlari-perlari. Malah SP8 juga bersetuju jalan Kapar tidak sepatutnya digunakan sebagai tempat larian Marathon.

[33]Malah sekiranya kita meneliti keterangan SP6 dengan penuh berhati-hati, ianya menunjukkan pemandu kereta WJJ 2930 OKT hanya memasuki lorong emergency selepas melanggar peserta-peserta larian.

[34]Berasaskan keadaan di tempat kejadian yang dinyatakan di atas isu nya ialah adakah perayu yang datang dari bawah memandu kereta WJJ 2930 bila sampai di KM14 telah tidak memikirkan kemungkinan risiko yang ketara atau OKT telah nampak risiko namun begitu untuk terus berhadapan dengan nya. Saya mendapati jawapan kepada isu nya adalah negetif.

[35]Berdasarkan keterangan pengawai penyiasat saya mendapati dapatan majistret bahawa OKS telah memandu di dalam laluan emergency lane yang mana telah menimbulkan suatu keadaan "obvious and serious risk" adalah satu dapatan yang salah. (rujuk alasan penghakiman Tuan majistret perenggang 35 dan 36).

[36]Kes-kes di atas telah telah jelas mengariskan beban bukti yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan dibawah seksyen 41(1) APJ 1987. Tuan majistret hendaklah membuat dapatan sebagai mana prinsip yang digariskan di dalam kes-kes yang dirujuk dalam kes di atas.

[37]Saya mendapati Tuan majistret telah kilaf apabila gagal membuat dapatan seperti yang dinyatakan dalam kes-

Pendakwa Raya lwn Teoh Thiam Lim [2020] MLJU 505

kes di atas bahawa OKT tahu ada nya peserta-peserta larian yang berlari di atas jalan raya di KM14 tapi masih mengambil risiko dengan memandu secara melulu dan mewujudkan kejadian kemalangan.

[38]Saya mendapati Tuan majistret telah gagal mengambil kira keadaan tempat kejadian kegagalan ini adalah satu salah arah yang mewajarkan keputusan Tuan majistret yang diketepikan.

[39]Berasaskan alasan-alasan di atas saya mendapati Tuan majistret telah membuat dapatan yang tidak betul apabila memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes Prima Facie ke atas OKT bagi pertuduhan di bawah seksyen 41(1) PAJ 1987.

[40]Saya mengulangi bahawa ujian di akhir kes pihak pendakwaan adalah satu kes Prima Facie berdasarkan penilaian maksima ke atas keseluruhan keterangan. Kes pendakwaan hendaklah diteliti secara rapi dan selepas Tuan majistret membuat suatu penilaian rapi, sekiranya mahkamah mendapati wujudnya sebarang raguan, mahkamah hendaklah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan satu kes Prima Facie. Ekoran itu pembelaan tidak sewajarnya dipanggil hanya untuk menjelaskan mana-mana keraguan yang ditimbulkan.

[41]Berasaskan daripada keterangan kes Pihak Pendakwaan saya mendapati wujudnya suatu kes Prima Facie di bawah seksyen 43(1) APJ 1987, di mana OKT didapati memandu kereta WJJ 2930 pada masa yang material without due care and attention. Malah Peguam OKT juga dalam hujahan bertulisnya mengcadangkan bahawa mahkamah diperingkat rayuan mempunyai budi bicara di bawah [seksyen 167 Tatacara Acara Jenayah](#) untuk mendapati OKT bersalah di bawah Seksyen 43(1) APJ 1987.